

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JULAI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 2

### RM65 juta bantu peneroka FELDA

Peruntukan bagi laksana lima inisiatif termasuk perumahan, perniagaan

Bera: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan peruntukan hampir RM65 juta bagi pelaksanaan lima inisiatif untuk membantu peneroka FELDA dan generasi baharu dalam pelbagai aspek termasuk perumahan.

Ia antara lain melibatkan dana RM20 juta di bawah Skim Jaminan Kredit Perumahan sebagai cagaran untuk pinjaman perumahan bakal dibuat generasi baharu FELDA, sekali gus mereka tidak perlu menyediakan cagaran bagi pinjaman dan memudahkan pembiayaan pembinaan rumah di lot generasi.

FELDA juga, kata Ismail Sabri, memperuntukkan dana pusingan RM10 juta bagi menyediakan lebih banyak peluang memulakan perniagaan dan meningkatkan kapasiti perniagaan kepada usa-

hawan generasi muda FELDA, melibatkan pinjaman tanpa faedah antara RM5,000 hingga RM20,000 dengan permohonan dibuka pada Ogos.

"Bagi memberi kemudahan kepada generasi baharu bermastautin di kawasan rancangan, FELDA sebelum ini melaksanakan Projek Generasi Baharu FELDA (PGBF). Saya ingin mengumumkan bawahan RM7.6 juta sewaan bulanan yang dibayar 2,025 penghuni PGBF serta sewaan yang akan dikutip selepas ini dijadikan deposit apabila mereka membeli kediaman PGBF."

"Ini bermakna, jika bayaran sewaan yang dibayar selama 36 bulan ialah RM10,800, maka pembayaran satu unit rumah tengah yang berharga RM90,000 akan dikurangkan kepada RM79,200 sahaja," katanya berucap merasmikan Sambutan Hari Peneroka FELDA 2022 di FELDA Rentam, di sini, semalam.

Bagi membantu peneroka FELDA tanaman getah, Ismail Sabri berkata, FELDA akan memperuntukkan RM6.1 juta dana pengurusan 2022 bagi mengambil alih pengurusan pusat mengumpul getah (PMG) daripada FGV Rubber Industries Sdn Bhd.

Langkah itu, katanya, akan mengurangkan kos operasi kilang

sebanyak 23 sen bagi setiap kilogram getah kering dengan tambahan sebanyak 5 sen apabila mencapai sasaran bulanan dan secara keseluruhannya melibatkan pengurangan sebanyak 28 sen.

"Ia akan memberi tambahan pendapatan RM11.2 juta kepada 10,707 peneroka tanaman getah," katanya menegaskan bawahan kerajaan dan FELDA tidak pernah mengumumkan bawahan RM7.6 juta sewaan bulanan yang dibayar

memungkinkan peneroka komoditi itu.

#### RM66,000 untuk setiap 317 tanah rancangan

Sempena ulang tahun ke-66 penubuhan FELDA tahun ini, Perdana Menteri juga mengumumkan peruntukan khas pembangunan RM66,000 kepada semua 317 rancangan, menjadikan jumlah keseluruhan RM21 juta yang boleh digunakan bagi kerja baik pulih atau naik taraf infrastruktur di tanah rancangan terlibat.

Selain itu, beliau mengumumkan pertukaran program Premier Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) FELDA kepada Program Ulul Albab bermula tahun akademik 2023, bertujuan melahirkan generasi baharu FELDA cermerlang dalam bidang profesional serta berpegang teguh kepada al-Quran dan sunnah.

Dalam ucapannya, Ismail Sabri melahirkan rasa bangga dengan pencapaian FELDA dan warga peneroka yang mencapai pelbagai kemajuan dalam bidang perladaan, termasuk dalam pemerkaan mekanisasi dan teknologi pengurusan ladang, sehingga produktivitinya dapat ditingkatkan kepada purata 20 tan sehektar setahun pada tahun ini.

"Saya berbesar hati ingin ber Kongsi bawahan peningkatan produktiviti ini telah membawa kepada penciptaan nilai atau *value creation* buat warga peneroka dengan jumlah melebihi RM1 bilion setahun.

"Peneroka juga dapat menerima tambahan pendapatan sehingga RM162 juta bagi setiap kenalan 0.5 peratus kadar perahan minyak. FELDA turut berjaya mengurangkan kos operasi ladang dengan penjimat RM200 juta kos pembelian bahan.

"Ia apabila Smart Plantation Management Solution (SPMS), iaitu aplikasi pintar yang membolehkan pembelian bahan dibuat berdasarkan dirian pokok berbanding keluasan kawasan, selain turut disokong dengan sumber alternatif dan bahan buangan seperti tandan buah kosong serta abu tandan," katanya.

Ismail Sabri turut menyentuh

komitmen utuh FELDA dalam mengatasi isu sekuriti makanan negara, antaranya menerusi Program Pembangunan Peneroka (PPP) bermula 2019 dan kini melibatkan 8,542 projek ternakan serta pertanian.

Program berkenaan, katanya, dapat memberi pendapatan tambahan kepada 56,699 peneroka dengan purata RM250 hingga RM500 sebulan.

Pada majlis itu, FELDA Jengka 25 di Pahang dinobatkan sebagai penerima Anugerah Kecemerlangan Rancangan Felda (AKRF) 2022 dan membawa pulang wang tunai RM1 juta, manakala lima individu dinobatkan penerima Anugerah Tokoh Generasi 2021.

Mereka termasuk Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Mohd Shahar Abdullah yang berasal dari FELDA Wilayah Kuantan, selain Naib Canselor Universiti Teknologi Sarawak, Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid dari FELDA Wilayah Segamat.

Penerima lain adalah Ketua Cawangan Komunikasi Penghakiman upaya (OKU) Bahagian Perkhidmatan Komunikasi dan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Penerangan Malaysia, Dr Ruziah Ghazali dari FELDA Wilayah Raja Alias.